

Headline	UPM juara zon tengah selatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Apr 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Sukan	Color	Full Color
Page No	38	ArticleSize	229 cm ²
AdValue	RM 4,526	PR Value	RM 13,578



UPM juara zon tengah selatan

KUALA LUMPUR - Universiti Putra Malaysia (UPM) menebus kekecewaan lalu, dengan menjinakkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam 28-18 semalam, sekali gus memastikan kejuaraan Liga Bola Jaring IPT Zon Tengah Selatan, milik mereka.

UPM yang juga tuan rumah, sekali lagi dibantu ketepatan balingan Nur Ain Omar, untuk mengatasi UiTM yang mengalahkan mereka di suku akhir Sukan Antara IPT tahun lalu, sekali gus memaksa lawan itu sekadar berpuas hati di tempat ketiga, di belakang University Taylor's (Taylor's).

Kemenangan itu membolehkan UPM memperolehi RM2,000 sebagai juara zon manakala Taylor's dan UiTM, masing-masing menerima RM1,500 dan 1,000.

Ketiga-tiga pasukan itu bersama Universiti Malaysia Sarawak (UniMas) yang men-

Keputusan

UniMas kln UKM 22-16;
UniKL-BMI kln KUDQ 31-10
UPM kln UiTM 28-18

duduki tempat keempat, turut melengkapkan senarai 20 pasukan yang akan beraksi pada Grand Final di Universiti Malaya (UM) pada 8-12 Mei ini.

Pasukan-pasukan lain yang sudah layak adalah Universiti Sains Malaysia (USM)

Kubang Kerian, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Pahang dan Politeknik Muadzam Shah (zon timur), Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis, (zon utara).

Universiti Teknologi Malaysia, Politeknik Port Dickson, Universiti Teknologi Mara Melaka dan Universiti Sains Islam Malaysia (zon selatan) serta Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (zon tengah utara).



SKUAD bola jaring UPM muncul juara selepas menewaskan UiTM Shah Alam 28-18 pada perlawanan akhir Liga Bola Jaring IPT Zon Tengah Selatan, semalam.